

VOLUME III  
SERIES II  
OCTOBER 2022



ART + COMMUNITY

EDUCATION

© Unit Penerbitan UiTM Perak, 2022

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission on writing from the director of Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

No eISSN: 2805-5071

Cover Design: Nur Muhammad Amin Bin Hashim Amir  
Typesetting : Syed Alwi Bin Syed Abu Bakar (Dr.)<sup>1</sup>  
                  Aznan Bin Omar (Dr.)<sup>2</sup>

# E

## Editorial Board

---

### PATRON OF HONOR

Professor Sr Dr Md Yusof Hamid AMP  
(Rector, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### ADVISOR

Dr Zainudin Md Nor  
(Head of the Faculty, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### CHAIRMAN

Dr Aznan Omar<sup>1</sup>  
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)  
Dr Hamidi Hadi<sup>2</sup>  
(Program Coordinator, Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### CHIEF EDITORS

Dr Syed Alwi Syed Abu Bakar<sup>1</sup>  
(Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)  
Dr Aznan Omar<sup>2</sup>  
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### EDITORS

Dr Hamidi Hadi  
Pn Noor A'yunni Muhamad  
Pn Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad  
En Noor Enfendi Desa  
Dr Azian Tahir  
En Mahizan Hijaz Mohammad  
Pn Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin  
En Muhammad Salehuddin Zakaria  
Pn Hairulnisak Merman  
En Anwar Fikri Abdullah  
En Nur Muhammad Amin Hashim Amir

### SECRETARY

Pn Noor A'yunni Muhamad<sup>1</sup>  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Pn Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad<sup>2</sup>  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### TREASURER

En Noor Enfendi Desa  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### CHIEF PANEL REVIEW

Dr Azian Tahir  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### CHIEF TRANSLATOR

En Mahizan Hijaz Mohammad  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### CHIEF OF DOCUMENTATION

Pn Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### LEAD PROMOTER

En Muhammad Salehuddin Zakaria  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### CHIEF OF TECHNICAL

Pn Hairulnisak Merman<sup>1</sup>  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### En Anwar Fikri Abdullah<sup>2</sup>

(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### LEAD DESIGNER

En Nur Muhammad Amin Hashim Amir  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### COMMITTEE MEMBER

Cik Afina Zalifah Zat Azeni  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

# INOVASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) PROGRAM DIPLOMA SENI HALUS UITM CAWANGAN SARAWAK DALAM FASA COVID-19 MELALUI PENDEKATAN STUDIO DI RUMAH

a chapter by

CHRISNA BINTI PINDAH, HALINA AMIN, MOHD RAZIF BIN MOHD RATHI,  
DR. VALERIE MICHAEL & ZAIDI WASLI



## Abstrak

Kajian ini merupakan kajian deskriptif dan ulasan hasil daripada pemerhatian projek inovasi pengajaran dan pembelajaran ( PdP) Studio di rumah yang telah dijalankan sepanjang pengajaran secara Open and Distance Learning ( ODL) pelajar diploma tahun akhir sesi mac 2020, mac 2021 dan mac 2022 di Jabatan Seni Halus UiTM Cawangan Sarawak . Tujuan kajian ini adalah untuk membincangkan akan kesan positif dan negatif terhadap inovasi PdP “studio di rumah” dalam penghasilan karya akhir pelajar peringkat diploma. PdP ini telah diinspirasikan daripada pembelajaran kendiri yang telah diilhamkan dalam sistem Pendidikan barat iaitu “ home schooling” semenjak tahun 1970-an lalu. pelbagai penemuan telah ditemui sama ada kejayaan dan kelemahan. antara faktor membantu pelajar berjaya dalam kaedah ini adalah sokongan keluarga, keselesaan rang kediaman, sumber kewangan . manakala kelemahannya adalah disebabkan jaringan internet yang lemah di kawasan pelajar diam. Perbincangan lebih lanjut dalam dalam penulisan ini adalah mungkin boleh dijadikan kajian lanjut dalam pengubahan struktur PdP yang lebih baik dalam pengajaran diploma seni halus pada masa akan datang.

**Katakunci :** *pengajaran dan pembelajaran ( PdP), Studio di rumah, kuliah Open and Distance Learning ( ODL), praktikal , diploma, seni halus*

## Pendahuluan

Penularan Covid -19 pada tahun 2020 menyebabkan semua golongan terkesan dengan situasi amnya pada sistem pembelajaran sama


ada di peringkat sekolah atau institusi pengajian tinggi. Penguatkuasaan seperti (PKP) dan SOP sekaligus memberi kesan kepada cara dan norma baharu untuk mengharungi kehidupan sehari-hari. Melihat dari sudut pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan proses berkarya pada pelajar seni halus yang keutamaan secara alaminya adalah “studio-practice-based”. Disebabkankekangan ini maka kaedah PdP diploma seni halus UiTM cawangan Sarawak telah diubahsuai mengikut inovasi studio di rumah (Bauman, K. J : 2002) atau “home-studio-based”. Majoriti pelajar Diploma Seni Halus UiTM Sarawak ini berasal daripada pelusuk zon Sarawak dan daerah di Sabah. Taburan pelajar yang berasal dari Sarawak bermula dari Bahagian Kuching sehingga ke Bahagian Lawas. Hampir semua zon dari timur dan selatan ada pelajar yang terlibat dengan Pdp ini sekurang-kurangnya seorang. Pelajar-pelajar yang berasal dari Sabah pula ada yang berada di Kota Kinabalu, Ranau, hingga ke Tawau. Walaupun jumlahnya kurang dari pelajar dari Sarawak namun geografi dan lokasinya memberikan cabaran yang hampir sama. Taburan demografik pelajar seni halus di UiTM Sarawak adalah lebih kurang 60% pelajar pameran berasal dari Sarawak dan 40% berasal dari Sabah.



Gambar 1: Peta daerah-daerah Sabah dan Sarawak  
(Sumber <https://www.iconpng.com>)

## Penerimaan dan adaptasi pelajar aplikasi PdP Studio di rumah melalui pelaksanaan kuliah secara ODL

Dalam rangka kurikulum silibus kursus tahun akhir diploma seni halus adalah 100% diselia secara bersemuka oleh pensyarah bagi menyelesaikan tugas kursus utama mereka iaitu lukisan, catan, cetakan dan seni arca. Tetapi situasi pandemik ini telah memaksa pensyarah untuk menukar kaedah PdP asal kepada 100% ODL. Maka dengan ini pensyarah di jabatan seni halus UiTM cawangan Sarawak yang telah mengubah secara total akan perincian terhadap PdP kurikulum berlandaskan Studio-Practice-Based' kepada home-studio based iaitu melalui pendekatan pertandingan Studio di Rumah.



Gambar 2: kiri:-Poster pameran studio di rumah siri 1 ; kanan :-adalah poster keputusan pemenang pertandingan tersebut (Sumber: <https://web.facebook.com/reqaseni/photos/pb.100057675390466/>.)

Pada dasarnya inovasi Pdp 'Home-Based-Studio' ini adalah untuk mewujudkan mode bekerja asal seperti di bilik kuliah studio. pemahaman 'Studio-Practice-Based' itu akan kembali secara tidak langsung sekiranya pelajar dapat membuat perubahan pada ruang bilik mereka sendiri, anjung parking kereta, ruang tamu rumah dan di segenap ruang yang memungkinkan mereka boleh menjadikannya sebagai sebuah studio. Kepentingan ruang bekerja ini sangat mempengaruhi pelaksanaan PdP antara pelajar dan pensyarah seterusnya menggalakkan kreativiti pelajar.

Pelaksanaan PdP sepanjang situasi pandemik, hampir semua aktiviti dijalankan secara maya.

Dengan ini, untuk mencapai objektif bagi penyampaian PdP secara ODL, kerjasama dan komunikasi antara pensyarah dan pelajar adalah penting. Antara platform yang telah digunakan oleh pensyarah sebagai medium komunikasi pembelajaran dengan pelajar adalah melalui aplikasi-aplikasi homeschoolling yang telah "establish" iaitu google classroom, google meeting, Microsoft team, zoom meeting , Webex cisco,dan aplikasi chat whatsapp serta telegram. Kebergantungan kepada peranti telefon pintar dan laptop yang mempunyai talian internet sangat la penting dalam pelaksanaan PdP ini.

Memang tidak dinafikan, aplikasi telekomunikasi sangat membantu menghubungkan pelajar dan pensyarah dalam pembelajaran, perancangan pameran PdP dan perjumpaan bersemuka hanya berlaku dalam talian selama 14 minggu waktu kuliah .Menurut Ciolfi (2021), beliau menyatakan bahawa pendekatan pdp secara dalam talian ini tidak hanya dapat memperhatikan peningkatan (daripada menggantikan) bahan dan ciri khas malah memperluaskan potensi teknologi digital. Penerimaan pelajar akan kaedah Pdp ini sememangnya mengambil masa sedikit. Dilihat pada penerapan kaedah ini pada kumpulan pelajar pertama iaitu pada bulan Diploma tahun akhir sesi mac -julai 2020 penggunaan studio kendiri itu masih lagi dalam peringkat permulaan. Walaubagaimanapun bagi kumpulan sesi mac-julai 2021 terdapat perkembangan yang sangat positif akan penerimaan mereka akan kaedah PdP ODL melalui kaedah studio di rumah. Berikut adalah beberapa petikan ungkapan pelajar akan penerimaan mereka akan pelaksanaan PdP studio di rumah:-

Soalan 1 : Impak penghasilan studio seni visual sendir di rumah

Pelajar 1 : "impak penyediaan ruang studio terhadap seni arca saya adalah sangat terurus. Persekutuan yang dipenuhi dengan peralatan seni dan juga kawasan yang lapang membantu saya untuk lebih fokus dalam mengolah seni arca saya"

Pelajar 2 : "By having my own mini studio, it gives me more motivation and ego boost to get up and create something"

Pelajar 3 : "Dapat menghasilkan karya dengan tenang dan dapat digunakan sehingga

*sekarang "it gives me more motivation and ego boost to get up and create something"*

### Adaptasi studio di rumah dalam pelaksanaan kuliah secara ODL

Seperti yang telah dibincangkan bahawa penerimaan PdP cara studio di rumah ini mengambil masa untuk diadaptasi dalam gaya hidup pelajar. Ada sebahagian pelajar yang berjaya menjadikan kaedah PdP ini menjadi rutin dan gaya hidup mereka. Antara contoh pelajar yang konsisten dalam menjalani PdP dalam talian dan mengaplikasi kaedah studio dirumah ini adalah pelajar Muhammad Al Hakim (gambar 4) . pada peringkat awal studio pelajar ini hanya berjalan di ruang bilik tidur dan apabila hasil tugas yang diberikan memaksanya untuk menggunakan ruang yang besar pelajar ini telah memindahkan ruang studionya di ruang bawah rumah. Kejayaan pelajar ini telah menjadikan hampir 60% rumah keluarganya telah diubahsuai menjadi studio seni lukisan, catan , cetakan dan seni arca. Faktor-faktor yang mempengaruhi ini adalah daripada sokongan ahli keluarga dan motivasi pelajar itu sendiri. Kerana latar belakang keluarga pelajar ini adalah dalam bidang produksi profileman tempatan Sarawak.



Gambar 4: Ruang studio pelajar yang diubahsuai daripada ruang bawah rumah kosong diubah menjadi studio (Sumber gambar: Muhammad Al Hakim pelajar tahun akhir diploma 2021.)

Malah ada juga pelajar yang tidak berjaya atas kekangan sokongan keluarga dan masalah peribadi pelajar itu sendiri serta ditambahlagi dengan kekurangan motivasi disebabkan kekurangan bahan material.

Kutipan ulasan pelajar akan peranan dan pandangan terhadap pelaksanaan PdP OLD melalui kaedah Studio di rumah ini mendapat sambutan yang baik.

### Soalan 02: Pandangan ahli keluarga

Pelajar 1 : Pandangan ahli keluarga saya terhadap ruang studio saya adalah baik. Mereka beranggapan bahawa saya seorang yang berdisiplin dari situ mereka akan faham sekiranya saya memasuki ruang studio dan mereka tidak akan mengganggu saya.

Pelajar 2 : Well, they're fine with it since I have my own space in the living room and they understand that making art can be messy as long as I clean up the place after.

Pelajar 3 : Pandangan mereka terhadap ruang studio adalah memuaskan dan membantu serba sedikit untuk memberi bahan yang diperlukan.

### Cabar dan kelemahan dalam kurikulum PdP melalui pendekatan studio di rumah

Walaubagaimanapun pelbagai keterbatasan kaedah PdP ini juga dapat dikesan. Pertama adalah dalam pemilihan bahan di dalam karya mereka serta penggunaan mesin-mesin pemotong kayu untuk menghasilkan karya seni arca dan juga bahan-bahan untuk karya cetakan yang amat terhad. Peralatan-peralatan utama untuk PDP seperti mesin, hanya ada di bengkel atau studio Jabatan Seni Halus. Tidak ramai ibubapa yang boleh menyediakan mesin-mesin yang diperlukan dalam pembelajaran arca di rumah. Perkara inilah yang menjadi kegusaran para pensyarah dan pelajar. Hal ini bukan masalah sekiranya berada di kampus. Peralatan disediakan dan pensyarah sentiasa ada untuk memberi tunjuk ajar penggunaan mesin dan peralatan. Tetapi ada juga beberapa pelajar yang menggunakan bahan asas hutan sebagai bahan gentian untuk menyelesaikan karya akhir mereka.



Gambar 3 : Contoh bahan yang digunakan pelajar; Elsie Maikol, yang didapati dari sumber hutan daerah Ranau Sabah. ( sumber gambar : Elsie Maikol)

Keduanya Atas seliaan pensyarah melalui kaedah kuliah ODL iaitu perjumpaan melalui

google meeting atau kaedah whatsapp Berada di daerah atau kampung dan rumah masing-masing serta kuliah terpaksa dijalankan dalam talian (ODL) tidaklah semuanya mudah. Kekangan aspek capaian internet bukanlah seratus peratus masalah, kerana hampir semua pelajar yang terlibat dalam PdP ini berada di kawasan bandar dan kampung. Kebanyakan lokasi rangkaian internetnya masih boleh dicapai walaupun berada di Kampung mahupun luar bandar. Perkara yang menjadi cabaran adalah adakah keluarga terutamanya ibu bapa benar-benar memberi sokongan atau sporting semasa anak-anak sedang belajar dan menyiapkan tugas. pelajar akan diberi cadangan beberapa pilihan bahan yang bersifat mesra-alam dan tidak berbahaya kepada persekitaran memandangkan ianya dihasilkan di rumah.

Factor emosi pelajar juga antara cabaran kerana pelbagai sebab yang dapat mengganggu emosi pelajar Ketika sedang menjalankan Pdp di kediaman sendiri . antaranya adalah ruang belajar, jumlah adik-beradik, tugas-tugas keluarga seperti memasak mengemas dan banyak lagi. Disinilah peranan dan sokongan ibu bapa sangat diperlukan. Ketidaksepahaman dalam keluarga boleh menyebabkan pelajar mengalah dan berhenti daripada meneruskan kajian. Hal ini sangat berbeza dengan suasana kehidupan kampus yang lebih fokus dan saling membantu serta ingat mengingati dikalangan sesama pelajar dan pensyarah.

Namun perkara ini wajib diharungi dan pelajar tiada pilihan. Ianya jarang diperkatakan kerana secara lazimnya kita lebih memberi tertumpuan kepada hal berkaitan, capaian internet yang lemah, ketiadaan gajet atau gajet yang tidak lancar aplikasinya, keadaan di rumah tidak kondusif, timbunan tugas dari setiap hari.

Maka dengan ini dapat dilihat bahawa sokongan persekitaran pelajar itulah faktor utama proses PdP ODL melalui kaedah studio di rumah ini berjaya ataupun tidak berjaya dilaksanakan.


## Potensi kajian dan kesan pelaksanaan PdP ODL Studio di rumah pada masa akan datang

Potensi yang boleh diambil kira akan PdP ODL ini adalah melalui persembahan hasil karya akhir pelajar tahun akhir diploma Seni halus UiTM Sarawak. sepanjang PdP ODL sebanyak 2 pameran secara maya telah berjaya diadakan. Pameran pertama yang boleh dikatakan berjaya adalah pameran Odyssey pada bulan mac 2021. Pameran kedua pula adalah pameran virtual karya Seni Arca Tangible + Ability sempena pameran Bakat Mahasiswa anjuran Balai Seni Negara 31 oktober -30 November 2021.

Proses persediaan kedua-dua pameran ini masih sama seperti pameran bersmuka kerana termasuk dari segi penubuhan ahli jawatankuasa, persediaan karya – karya pelajar, penilaian karya, memilih platform yang sesuai untuk promosi karya – karya pelajar dan sebagainya. Proses menghasilkan pameran bukan perkara yang mudah, semua pihak masih menyesuaikan diri dengan mesyuarat secara talian bersama pelajar, mengambil kira kuota data internet pelajar serta kekangan lain. Pada masa ini, komunikasi bersama pensyarah dan pelajar amat penting dan tepat kerana selebihnya pelajar perlu memahami arahan dan berfikiran kreatif dalam melakukan hal – hal penghasilan karya. Pameran secara maya telah jadi meluas dengan percambahan aplikasi-aplikasi untuk mengadakan pameran secara maya. Contohnya, ArtSteps.com yang menawarkan platform bagi sesiapa sahaja untuk mengadakan sebuah pameran. Walau Bagaimanapun, ianya juga bergantung kepada faktor capaian internet yang baik sahaja yang membolehkan pameran ini diadakan dengan lancar. Selain itu, pelantar ‘Facebook’ dan ‘Instagram’ juga adalah antara pelantar yang baik untuk dijadikan sebagai sumber promosi untuk menarik perhatian ramai orang. Ini kerana, bilangan orang yang akses pada kedua-dua ‘Facebook’ dan ‘Instagram’ adalah amat tinggi dan ianya meluas ke seluruh pelosok dunia.

Terdapat banyak galeri-galeri tempatan yang ternama juga telah memberi ruang yang luas bagi artis atau pengkarya dalam mempromosikan dan mempamerkan karya di ruang maya lebih kerap berbanding daripada pameran fizikal seperti

kebiasaan nya. Ini kerana banyak juga faktor kewangan yang dapat di simpan berbanding kebiasaan nya pada majlis-majlis perasmian atau pembukaan sebuah pameran seperti upah catering, upah cetakan brochure dan buku, kos ulang alik dari rumah ke galeri dan seumpamanya. Malah kita juga dapat lihat percambahan artis artis baru yang tumbuh seperti cendawan selepas hujan dan ini adalah fenomena positif bagi perjalanan Seni tempatan di negara kita. Mereka diberi peluang lebih kerap untuk berpameran di ruang ruang maya seperti di Art Movement .



Gambar 5: Pameran karya akhir pelajar diploma Seni Halus ODYSSEY pada 12 mac 2021 (Sumber gambar: <https://web.facebook.com/reqaseni/photos>)



Gambar 6: Pameran virtual karya Seni Arca Tangible + Ability sempena pameran Bakat Mahasiswa anjuran Balai Seni Negara 31 Oktober -30 November 2021 (Sumber gambar: <https://web.facebook.com/reqaseni/photos>.)

Tambahan lagi sekiranya pameran secara maya dijalankan , jumlah audien yang dapat melihat pameran tersebut potensinya amat luas. Walaubagaimanapun pameren sebegini akan memberi kesan akan institusi -institusi galeri itu sendiri malahan akan meberi impak pada

perkembangan industry berpameran yang asal. Oleh itu kemungkinan ada beberapa perkara yang boleh diambil sebagai penambahbaikan dalam kurikulum baharu diploma seni halus pada masa akan datang melalui persempahan output karya pelajar. Pameran secara hybrid mungkin hipotesis yang boleh diperkembangkan pada masa akan datang.

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya inovasi PdP melalui penerapan home studio based dalam struktur kurikulum diploma seni halus mempunyai banyak potensi untuk dikaji lebih lanjut. melalui pemerhatian kajian ini walau melibatkan pelbagai permasalahan tetapi telah banyak membantu pelajar lebih berdikari dalam sepanjang pengajian mereka amnya penghasilan karya akhir. tidak dapat dinafikan bahawa adalah lebih kondusif bagi pelajar menjalani PdP di dalam kampus dengan proses pengajaran dan pelajar dapat memahami akan objektif silibus yang dibawakan . pada masa akan datang sekiranya module yang lengkap dan jelas berkenaan pengajaran dan pengajaran home studio based ini dapat disediakan dan mampu memberi manfaat kepada para pelajar malahan juga seniman Amatur yang ingin mempelajari dengan lebih lanjut berkenaan Pdp peringkat berkemahiran dan teknikal dengan kos yang lebih murah dan fleksibel.

## Rujukan

- Bauman, K. J. (2002). Home Schooling in the United States. Education Policy Analysis Archives, 10, 26. <https://doi.org/10.14507/epaa.v10n26.2002>
- D'Alleva, Anne. 2010, How to Write Art History( Second Edition ) , Laurence King Publishing: United Kingdom
- Fernie, Eric. 2009, Art History and its Methods (a Critical Anthology), Phaidon Press: London
- Kindersley, Dorling. 2011, The Philosophy Book, Star Standard: Singapore
- Masri, Sulaiman. 2005, Kaedah penyelidikan dan panduan Penulisan, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd : Kuala Lumpur Tunnikmah, Nadiyah, Impact of COVID-19 on the World of Fine Arts; Between Online Exhibitions, Virtual Exhibitions in Cyberspace Appreciation (March 9, 2021). Proceedings of the 2nd International

Conference on Interdisciplinary Arts & Humanities  
(ICONARTIES) 2020,

W.Santrock, John. 2008, Educational Psychology (Third Edition), McGraw Hill international Edition: New York <https://responsiblehomeschooling.org/research/summaries/a-brief-history-of-homeschooling>

Zakaria,Rosli. 2019,200 Hal Tentang Seni, Shanan: Selangor Malaysia

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim  
Rektor  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Perak

Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK  
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.
3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

*Setuju.*

*27.1.2023*

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM  
REKTOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERAK  
KAMPUS SERI ISKANDAR

**SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN**  
Timbalan Ketua Pustakawan

*nar*